

16/10/1998

200 wartawan sertai persidangan

KUALA LUMPUR, Khamis - Lebih 200 pengarang dan wartawan dari seluruh negara dijangka menghadiri persidangan Kesatuan Wartawan Komanwel, mulai 26 Oktober ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual menyampaikan ucap utama pada persidangan itu, yang turut mengundang bekas Gabenor Hong Kong, Chris Patten dan Menteri Luar New Zealand, Don Mckinnon.

Hari pertama persidangan menumpukan kepada aliran serantau, manakala pada hari kedua, peserta dibahagikan kepada dua kumpulan bagi membincangkan topik 'Melapor di bawah Kuasa Keganasan Regim' dan 'Cara Melobi yang Berkesan bagi Kebebasan Akhbar'.

Persidangan itu turut merangkumi sesi pembentangan oleh delegasi dengan peserta membentangkan laporan dari Forum Pengarang, yang berlangsung selama tiga hari, bertempat di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang mulai 21 Oktober.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Annie atau Samsina di nombor 03-2822323 sambungan 313 atau 397. Persidangan itu anjuran bersama Kesatuan Wartawan Komanwel dan Persatuan Penerbit Akhbar Malaysia.

(END)